

16 NOV 1999

Mahathir-Temuramah

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- TV3 mengadakan wawancara khas dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disiarkan pada 9 malam ini. Dr Mahathir ditemubual oleh Pengarang Urusan Berita dan Hal Ehwal Semasa TV3 Chamil Wariya.

Berikut ialah transkrip temubual itu:

Soalan: Mampukah Barisan Nasional (BN) mempertahankan majoriti dua pertiga yang dimilikinya (dalam pilihan raya umum akan datang)?

Dr M: Saya fikir kita mampu. Sebenarnya pada tahun 1995 kita mendapat kemenangan yang luar biasa iaitu kita dapat hampir empat perlima daripada kerusi, jadi dua pertiga itu bukanlah sesuatu yang sukar bagi kita mencapai.

S: Apakah asas kepada keyakinan itu, Datuk Seri?

Dr M: Kita telah membuat tinjauan dan kita tahu benar-benar tentang kawasan-kawasan yang kita akan bertanding. Kita telah bahagikan kawasan ini kepada kawasan hitam yang kita tak akan menang, kawasan putih yang kita tetap menang dan kawasan kelabu yang boleh dikatakan 50-50.

Jadi daripada jumlahnya, kita nampak jelas bahawa kawasan putih kita jauh lebih banyak daripada separuh dan kawasan kelabu ini yang sebenarnya tidak begitu kelabu memberi keyakinan kepada kita bahawa kita dapat lebih daripada 128 (daripada 193 kawasan Parlimen).

S: Datuk Seri sudah berulang kali menyatakan dua pertiga ini penting. Penting untuk siapa, penting untuk BN, penting untuk Datuk Seri atau penting untuk masa depan rakyat dan negara ?

Dr M: Kita lihat banyak negara membangun yang lain yang tidak mempunyai kerajaan yang kukuh dan kuat. Mereka mempunyai simple majority dan apabila terdapat simple majority, jika ada beberapa orang ataupun satu orang menyeberang ke sebelah parti lawan, maka kerajaan akan jatuh.

Oleh kerana itu, kerajaan tidak ingin mengambil tindakan yang dianggap tidak popular walaupun ianya penting. Sebaliknya kalau kita mempunyai majoriti yang besar dua pertiga, kita tidak takut akan ada defection, akan ada ahli-ahli kita yang menyeberang.

Dengan itu kita lebih berani untuk mengambil tindakan yang pada mulanya nampak tidak begitu baik tetapi setelah berjalan sekian lama, didapati berhasil dan baik untuk negara.

Sebab itu lebih daripada dua pertiga ini adalah penting, bukan untuk meminda perlembagaan tetapi sebenarnya untuk mendirikan kerajaan yang teguh, yang boleh menjalankan tugas dan membentuk dasar dan pendekatan yang baik bagi negara.

S: Datuk Seri, saya ingin mengimbas kembali kepada pilihan raya 1990. Kalau Datuk Seri masih ingat, pada pilihan raya itu, Tengku Razaleigh Hamzah yang ketika itu pemimpin Semangat 46 dikatakan telah menghakis kekuatan Umno. Dan kali ini katanya giliran Datuk Seri Anwar Ibrahim pula untuk menghakis kekuatan Umno. Apakah tanggapan ini betul Datuk Seri ?

Dr M: Memang Datuk Seri Anwar mempunyai pengaruh. Tetapi pada 1990 bukan saja Tengku Razaleigh keluar daripada Umno dan menarik begitu ramai daripada pemimpin-pemimpin Umno, tetapi juga PBS membuat keputusan untuk menyertai parti lawan dan dengan itu kedudukan kita menjadi begitu genting.

Kali ini tak ada nampak bahawa Keadilan ini akan berjaya menghakiskan kekuatan Umno.

S: Adakah Datuk Seri melihat Anwar akan menjadi faktor yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan Barisan Nasional ?

Dr M: Kita la ni bukan khuatir tentang dia boleh menghakis sokongan kepada Umno. Kekhuatiran kita ialah oleh kerana dia mempunyai kebolehan untuk mencetuskan kegawatan dan huru hara dalam negara. Ini sejarahnya sejak tahun 1974 lagi, menunjuk bahawa apabila dia kecewa dan tersekat, maka dia akan cuba menimbulkan huru-hara apabila tahun 1974 dia membohong berkenaan dengan kononnya ada seorang budak mati kerana kelaparan, penuntut disuruh menunjuk perasaan.

Apabila dia ditangkap sekali lagi, dia menggesa penyokongnya supaya mengadakan tunjuk perasaan, bahkan merosakkan harta Umno dan harta kerajaan. Setelah reda sedikit dia mendakwa dia diracuni dan sekali lagi ada tunjuk perasaan. Saya yakin apabila dia dapati bahawa Keadilan akan gagal, akan kalah mungkin kalah 100 peratus, pada ketika itu untuk menyelamatkan dirinya dia akan cuba menggagalkan pilihan raya dengan mengadakan rusuhan. Dan saya yakin dia juga akan mendapat bantuan dari luar negeri.

S: Berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar lebih setahun lalu, kita melihat kakitangan awam dan lain-lain perkhidmatan kerajaan turut mengambil pendirian politik. Ada yang secara terbuka menyatakan tentangan terhadap kerajaan BN. Jadi, sejauh mana pegawai kerajaan menentang kerajaan BN sebenarnya ?

Dr M: Kita tak nafi ada pegawai-pegawai kerajaan, pegawai pentadbiran yang bersimpati dengan Datuk Seri Anwar. Tetapi hari ini sudah kurang banyak daripada pada mulanya yang mana mereka percaya bahawa dia dianiaya. Hari ini jelas bahawa bukan penganiayaan yang dilakukan dan tuduhan konspirasi olehnya pun tidak berasas.

Kita harus ingat juga bahawa ada daripada pegawai kerajaan ini yang semasa menjadi penuntut dulu mereka ahli ABIM atau IRC (Islamic Revolutionary Council) dan mereka ini memangpun dilatih daripada awal lagi untuk menentang kerajaan. Sekarang ini mereka bekerja dengan kerajaan, memegang jawatan yang tinggi dan mereka memangpun meneruskan usaha mereka. Dulu tidak ada orang yang semacam ini, belum cukup umur untuk bekerja dengan kerajaan, kali ini sudah ada dan mereka ini cuba menghasut pekerja-pekerja di bawah tangan mereka.

Jadi ternampak seolah-olah ramai pegawai kerajaan yang menentang kerajaan tetapi sebenarnya majoriti yang besar di kalangan mereka tidak aktif bahkan tidak menyokong parti lawan dan mereka akan membuat penilaian yang sewajarnya tentang kebaikan parti-parti dan saya yakin mereka akan memberi sokongan kepada BN.

S: Segelintir yang menentang itu Datuk Seri, apa kesannya terhadap Umno dan BN ?

Dr M: Kesannya tak banyak tetapi kita tentulah nak supaya pegawai kerajaan tidak aktif menyokong parti lawan kerana itu akan mempengaruhi tugas-tugas harian mereka. Kita hendak pegawai kerajaan supaya sementara

mereka boleh mempunyai pendirian berkenaan politik, tetapi dalam menjalankan tugas, mereka akan jalankan seperti yang dikehendaki oleh kerajaan. Tentang mereka nak undi sesiapa, itu hak mereka.

Tetapi kalau mereka menghabiskan masa dalam pejabat untuk berkempen seperti guru yang sengaja membangkitkan perasaan kebencian kepada kerajaan, itu akan merosakkan pentadbiran.

S: Walaupun kecil Datuk Seri kalau tak dibendung ia boleh menjadi masalah kemudian seperti barah. Jadi apa yang boleh dibuat untuk membetulkan kakitangan kerajaan ini supaya mereka kembali kepada asas atau etika utama mereka berkhidmat iaitu untuk mendokong kerajaan yang ada pada hari itu ?

Dr M: Kita harus mula daripada awal. Kita dapati sementara kita tidak suka mengganggu murid di sekolah mereka belajar, tetapi parti lawan bukan saja mengganggu tetapi juga menghasut mereka sehingga mereka sanggup ke tadika sendiri. Dalam tadika sudah diajar anak-anak ini supaya benci kepada orang tertentu, benci kepada kerajaan. Ada yang memberi gambar pemimpin kerajaan supaya budak-budak itu akan jijak-jijakkan.

Di sekolah begitu juga, di universiti sementara sekali lagi kita tidak suka kacau penuntut universiti tetapi mereka pergi ke universiti dan memesongkan penuntut daripada pelajaran mereka dengan hasutan berkenaan politik yang menguntungkan parti mereka. Jadi kita dapati keengganan kita untuk mengganggu penuntut itu sudah digunakan oleh parti lawan. Oleh itu, tak dapat tidak, kita juga mesti membetulkan sikap penuntut dari tadika juga, supaya mereka tidak membesar dengan perasaan benci kepada orang-orang tertentu, kepada parti tertentu.

Sama jugalah dengan kita sebagai orang Islam dididik daripada kecil bahawa babi itu kotor, jadi bila membesar, kita pegang kuat kepada itu, kita tak boleh tempoh, kita tak boleh tengok, demikian juga kalau dididik daripada kecil sudah tentu mereka akan membesar dengan fahaman ini, ini ialah long-term plan (rancangan jangka panjang) oleh parti lawan dan kalau hendak kita mestilah menangkis daripada peringkat itu, daripada peringkat kindergarten, sekolah, universiti.

S: Juga terdapat unsur pemujaan tokoh tertentu di kalangan orang tertentu, Jadi apa yang perlu dibuat supaya mereka, kalau boleh kita hendak kembali ke pangkal jalanlah, tetapi kalau sudah menjadi buluh mungkin mustahil. Apa pandangan Datuk Seri ?

Dr M: Memang ada hard-core yang tidak boleh diubah fikiran mereka, mereka ini sudah taksub dengan pemimpin mereka dan apa juga yang kita kata mereka akan menolak sehinggalah pemimpin mereka berkata. Umpamanya apabila pemimpin mereka berkata tuhan mencarut, mereka terima, kerana pemimpin mereka kata. Apabila kita tunjuk dalam Quran bahawa disebut di situ tuhan melarang kita memfitnah kerana fitnah itu adalah lebih bahaya daripada membunuh.

Malangnya penyokong mereka yang setia ini akan berkata 'tetapi itu bukan datang daripada tok guru kami, walaupun ada dalam Quran kami tak percaya, sehinggalah kalau tok guru kami kata tuhan mencarut, mesti betul punya'.

Ini adalah hard-core. Tetapi di sekitar mereka terdapat orang yang berfikiran waras dan mereka ini boleh kita betulkan.

S: Dalam tempoh setahun lebih ini Datuk Seri, setelah digelar dengan pelbagai gelaran dan saya kira satu daripadanya ialah Datuk Seri dikatakan anti ulama. Dan saya difahamkan ada satu kaset ucapan Datuk Seri yang

kononnya menjadi bukti kepada hakikat itu disebarkan secara meluas oleh PAS. Benarkah Datuk Seri anti ulama. Apa pendirian Datuk Seri sebenarnya ?

Dr M: Saya sedar berkenaan kaset ini. Kaset ini adalah petikan daripada ucapan dalam majlis tertutup, majlis agama kebangsaan. Dalam ucapan itu, saya telah menjelaskan siapa sebenarnya ulama. Dan saya berkata bahawa kita tidak boleh menerima sebarang orang sebagai ulama terutama apabila kita berkata ulama adalah pewaris nabi. Kita mengangkat taraf ulama itu sebegitu tinggi, takkanlah boleh kita bagi gelaran ulama kepada siapa saja. Itu yang saya jelaskan. Saya terima ulama tetapi bukan semua yang mendakwa diri mereka sebagai ulama saya boleh terima.

Saya dapati banyak orang yang mendakwa diri mereka sebagai ulama sebenarnya mempunyai kepentingan yang lain daripada agama, kepentingan politik umpamanya, dan oleh kerana kepentingan politik itu mereka sanggup membuat tafsiran agama yang bertentangan dengan ajaran Islam. Takkanlah saya nak terima orang yang semacam ini. Saya membuat penjelasan bahawa ulama adalah orang seperti Imam Syafie, Imam Ghazali, Hanafi, Hambali dan lain-lain. Ini memang ulama dan di negara kita pun terdapat orang-orang yang betul-betul berpengetahuan agama dan mereka tidak ada kepentingan lain hanya untuk memberi tafsiran sebenar berkenaan ajaran Islam dan mereka ini adalah ulama.

Tetapi sekarang ini kita dapati siapa saja mendakwa diri mereka sebagai ulama. Ini yang saya jelaskan kepada mesyuarat itu dan itu adalah mesyuarat tertutup dan sebarang rakaman tidak boleh diberi kepada sesiapa. Jelas sekali ada orang yang mencuri pita rakaman ini, itu sudah menjadi satu jenayah yang ditegah oleh agama Islam, orang yang curi kita tahu hukunya amat berat dalam Islam. Tetapi lebih buruk dari itu ialah setelah mereka mencuri pita ini, mereka potong banyak ayat-ayat, banyak perkataan saya dan diselang-seli dengan komen oleh mereka.

Dan dengan itu apa yang saya kata sudah jadi lain. Saya tidak kata saya anti ulama atau tidak terima ulama, tetapi mereka sengaja memotong perkataan-perkataan tertentu dalam pita rakaman itu supaya orang bila mendengar berasa amat marah. Kenapa Dr Mahathir anti ulama, sebenarnya saya tidak pernah, hanya saya tafsir, saya tentukan siapa yang benar ulama.

S: Jadi maksudnya Datuk Seri membezakan antara ulama tulen dengan orang agama yang menggunakan agama untuk kepentingan politik. Apa bahayanya golongan macam ini kepada negara kita ?

Dr M: Bahayanya ialah kita akan terima ajaran Islam yang tidak sebenarnya ajaran Islam, yang tidak tepat mengikut Al-Quran, hadis dan kita-kitab sahih. Umpamanya sekali lagi, contohnya kita tahu tuhan tidak pernah mencarut, sudah tentu tidak pernah mengguna perkataan yang digunakan oleh Shahnnon Ahmad itu, tak pernah. Dalam Quran baik, dalam kitab baik, dalam hadis baik, tidak ada sama sekali. Tetapi apabila orang ada kepentingan politik hendak mempertahankan seorang ahli seumur hidup dalam partinya sanggup berkata tuhan mencarut.

Ya, saya akui bahawa tuhan memang mengutuk Abu Lahab dan lain-lain tetapi kutuk dengan mencarut lain. Sebab itu saya berpendapat bahawa akidah kita akan terancam sehingga kita tidak benar-benar menurut ajaran Islam.

S: Ulama macam musang berbulu ayam ini pengaruh mereka agak meluas di kalangan masyarakat peringkat akar umbi. Apa yang boleh dibuat oleh kerajaan untuk menangani soal ulama yang menggunakan agama untuk kepentingan politik ini Datuk Seri ?

Dr M: Kita perlu mandapat ulama yang tidak mempunyai kepentingan tetapi

betul-betul ikhlas dalam mentafsirkan ajaran Islam, mengajar apa yang sebenar terkandung dalam ajaran Islam dan mereka ini perlu membuat pendirian bukan secara umum berkata ulama semuanya betul tetapi mereka perlu ingat bahawa dalam sejarah Islam juga terdapat banyak ulama yang menyeleweng. Sebab itu dalam Islam terdapat banyak mazhab termasuk Ahlilsunnah Waljamaah, Syiah dan lain lain, ini kerana ajaran tak ada kepentingan. Ada juga satu agama lain yang tak perlu saya disebut kerana di sinipun ada penganutnya yang diasaskan seorang ulama Islam tetapi dia membawa ajaran yang lain kerana kepentingan dia dan keinginan dia untuk menjadi nabi. Jadi orang sudah menjadi pengikutnya.

Sebab itu apabila ada kepentingan lain, apabila ulama mempunyai kepentingan lain, maka bahayanya amat besar sehingga kita mungkin akan terpisah dari agama Islam dan menubuh satu agama lain dengan satu nabi yang lain.

S: Selain dituduh anti ulama, Datuk Seri juga dikatakan pemimpin yang sekular, yang tidak komited dalam menjayakan syiar Islam. Apakah tuduhan ini berasas ?

Dr M: Perkataan sekular ini sebenarnya diperkenalkan oleh orang Barat khususnya orang Kristian. Dahulu pemerintah mereka memang mempunyai pengaruh kuat daripada gereja. Dan mereka dapati bahawa mereka hilang kuasa kerana gereja terlalu berkuasa. Sebab itu mereka memisahkan gereja daripada pentadbiran dan gereja diasingkan daripada pentadbiran yang dianggap sebagai sekular. Dalam Islam tidak ada perpisahan antara yang so-called sekular ini dengan yang lain kerana Islam adalah Ad-Din iaitu cara hidup kita, cara hidup kita bukan semata-mata bersembahyang, kita bercucuk tanam, kita bekerja, kita ada craft (pertukangan), kita ada engineering (kejuruteraan), yang ini semua adalah memenuhi cara hidup kita.

Kalau kita belajar jadi engineer, lawyer, doktor, itu sebahagian daripada kehendak agama Islam dan dia tidak termasuk dalam tafsiran sekular. Sebab itu saya berpendapat bahawa kalau satu orang itu menjadi engineer, dia juga menyumbang kepada agama Islam dan umat Islam kerana hari ini kalau orang Islam begitu daif, ditindas oleh orang lain sebabnya ialah kerana kita tidak ada kemampuan engineering untuk mencipta bahan letupan, mencipta senjata canggih kerana kita tidak belajar dan kita anggap bahawa pelajaran ini sekular dan kita tidak harus mengikutinya. Ini bukan sekular sama sekali, ini adalah sebahagian daripada ajaran yang membolehkan kita menunaikan fardu kifayah. Dan fardu kifayah itu amat penting dalam masyarakat Islam. Yang diajar sekarang ini ditumpukan kepada fardu 'ain untuk diri sendiri. Aku sembahyang supaya aku ke syurga tetapi apa jadi kepada masyarakat aku tidak peduli.

Sebaliknya Islam berkata kalau masyarakat terancam kerana tidak ada doktor, engineer, ini bermakna masyarakat itu keseluruhannya berdosa walaupun dia sembahyang, walaupun dia buat kerja haji dan lain-lain, tetapi masyarakat itu berdosa kerana tidak ada kemampuan dalam bidang-bidang yang boleh menyelamatkan umat Islam.

S: Dalam bahasa yang mudah, apakah bentuk negara Islam yang Datuk Seri ingin wujudkan untuk kita ?

Dr M: Sementara kita tidak lupa akan amal ibadat, budaya Islam, nilai-nilai hidup islam, di masa yang sama, kita perlu menguasai segala ilmu yang boleh mempertahankan umat Islam supaya mereka tidak lagi ditindas. Hari ini kalau orang Kosovo, orang Bosnia ditindas, orang Islam tengok dengan mata putih saja tak ada kemampuan dan ini bermakna kita berdosa kerana kita tidak berusaha untuk mempertahankan umat Islam. Jadi

kalau kita hendak dirikan negara Islam, bukan dengan bilangan masjid atau pakaian kita, tetapi kebolehan kita.

Di samping kita tidak lupa tentang ajaran Islam, tentang ibadat, tentang fardu ain, kita tidak boleh lupa tentang keperluan masyarakat Islam, keselamatan masyarakat Islam dan kebolehan umat Islam mempertahankan diri mereka.

S: Maknanya negara Islam yang Datuk Seri nak wujudkan ini mesti menjadi pramuka kepada zamannya daripada segi ilmu, ekonomi supaya ia boleh menjadi contoh kepada negara lain, begitu maksud Datuk Seri ?

Dr M: Ya, keadaan semasa amat penting. Islam bukan untuk tahun 700 Masehi waktu Islam mula datang. Islam adalah agama sepanjang zaman. Kalau kita kata agama sepanjang zaman, bermakna dia mesti sesuai dengan zaman ini, zaman ini zaman IT, zaman teknologi, zaman senjata atom dan sebagainya. Kita kalau masih terhad kepada kebolehan masyarakat Islam 1,400 tahun dulu, maka kita mengaku bahawa agama Islam hanya sesuai untuk zaman itu saja, bukan zaman ini.

S: Sewaktu mengumumkan pembubaran Parlimen tempoh hari, Datuk Seri menyatakan ini adalah pilihan raya bukan untuk mengukur populariti sesiapa, ia adalah pilihan raya untuk memilih sebuah kerajaan bertanggungjawab yang boleh membawa kesejahteraan kepada rakyat dan negara. Maknanya pilihan raya bukan tentang individu tetapi tentang masa depan bangsa dan negara. Ada yang masih meragui dan tidak bersetuju dengan sentimen Datuk Seri. Apa pandangan Datuk Seri?

Dr M: Saya memang menganggap bahawa pilihan raya dicipta dengan kerana kita berpendapat rakyat lebih faham tentang apa jenis kerajaan yang mereka perlu untuk kebaikan mereka. Malangnya kita dapati ada pihak lain yang cuba menggunakan pilihan raya untuk kepentingan lain, untuk populariti diri sendiri ataupun mereka mengguna cara-cara hasutan yang menyebabkan orang yang berkebolehan tidak dapat kemenangan. Mungkin orang yang berkebolehan itu tidak begitu pandai untuk berpidato atau tidak mempunyai wang yang cukup ataupun mereka ini tidak menarik rupa mereka. Jadi mereka mungkin kalah kerana itu tetapi mereka berkebolehan. Jadi kita akan rugi kerana kalau pilihan dibuat berasas kepada rupa bentuk, populariti, boleh keluar ayat Quran dan sebagainya, maka kita mungkin tidak dapat kerajaan yang baik dan kalau kita tidak dapat kerajaan yang baik, kita semua akan rugi, negara akan rugi tidak dapat dibangun.

S: Dan Datuk Seri, menurut sesetengah orang, memandang remeh tentang ancaman atau apa yang diajukan oleh pakatan pembangkang yang bergabung di bawah Barisan Alternatif. Dan Datuk Seri menggelarkan mereka Barisan Berpecah Alternatif. Apakah penilaian ini tepat atau hanya satu muslihat politik semata-mata ?

Dr M: Yang jelas ialah cara kerjasama pakatan ini bukan dicipta oleh mereka. Ianya dicipta oleh kita pada mulanya Umno, MCA, MIC dan selepas itu dikembangkan dan kita susun kerjasama ini. Dan kita dapati lama-kelamaan, telah wujud persefahaman antara kita dan barisan kita ini amat rapat. Kita adakan kerjasama ini selama-lama, sudah 25 tahun Barisan Nasional sebelum pada itu Perikatan.

Kita dapati mereka (pembangkang) tidakpun dapat persefahaman. Sementara mereka kata dalam manifesto tidak ada negara Islam tetapi di Terengganu mereka akan terus memegang kepada kehendak mereka untuk mendirikan agama Islam. Ada pula pemimpin mereka yang kerana nak dapat sokongan dari DAP

sanggup menerima Lim Kit Siang sebagai perdana menteri sedangkan dia sendiri berkata yang layak jadi pemerintah hanyalah ulama. Apakah Kit Siang itu ulama yang mereka tiba-tiba sanggup menerima Kit Siang ?

Jadi kita nampak jelas bahawa mereka bukan ada pemikiran, asas, dasar yang tepat antara mereka, hanya convenience (kepentingan). Untuk dapat undi kalau kita kata yang ini, dia akan bagi undi tak apalah kita kata. Jadi tidak ada keikhlasan. Dalam Barisan Nasional kita faham dan kita semakin lama semakin rapat.

S: Tetapi mereka juga ada manifesto bersama dan telah membentangkan Belanjawan 2000 untuk pertama kalinya. Jadi Datuk Seri melihat ada kemajuan di kalangan mereka walaupun ada masalah ?

Dr M: Ini macam bidan tarik saja. Mereka buat manifesto yang jelas sekali tidak disokong oleh mereka sendiri. Cuma sebagai memberi gambaran kepada orang ramai mereka ada manifesto. Tetapi masing-masing mempunyai pendirian tersendiri. DAP dengan Malaysian Malaysiannya, PAS dengan negara Islamnya, dan PAS juga dalam perlembagaannya berkata perdana menteri mesti orang Islam tetapi sanggup menerima Kit Siang sebagai perdana menteri. Jadi nampak mereka terima apa saja. Sebaliknya, kita dapati mereka memperkenalkan belanjawan, ini bukan budget sebenarnya, ini macam kata kalau saya ada duit inilah yang akan saya belanja. Terutama apabila kita tahu kita nak kalah, boleh janji segala-galanya, nak bagi pencen, nak bagi ganjaran, nak bagi elaun kepada semua orang kerana nak kalah.

Macam BN, kita tidak akan buat janji yang kita tidak boleh tunai. Kita perkenalkan budget yang kita tahu kita mampu kerana kita telah urus kewangan negara kita ini dengan begitu baik sehingga ditekan kegawatan ekonomipun, kita tak perlu pinjam, kita tak perlu melutut kepada IMF. Kita pulih ekonomi negara kita sendiri dan hari ini ekonomi kita tumbuh semula dan kita tahu kita ada wang yang cukup yang kita boleh belanja secara teratur, bukan secara gila-gila.

S: Datuk Seri juga memberi amaran awal bahawa barangkali akan muncul satu budaya baru politik di pihak pembangkang iaitu beralih kepada rusuhan. Apa sebenar yang Datuk Seri nampak dalam fenomena ini ?

Dr M: Kita dapat lihat sepanjang masa bahawa apabila mereka kecewa, terutama Datuk Seri Anwar ni, apabila dia kecewa dia sanggup buat apa saja. Sebab itu dia selalu ada rusuhan, suruh orang bakar kereta, bakar tayar, pukul polis, ini caranya. Kalaupun dia sudah sedar bahawa dia tak mungkin menang dengan itu harapannya untuk masa depannya habis. Tipis dan hilang sama sekali. Dia akan jadi desperate (terdesak), bila dia desperate dengan wang yang ada banyak padanya, dia akan cuba mencetuskan huru-hara dan mungkin juga ini akan dibantu oleh rakan-rakannya.

S: Politik Malaysia ialah politik tarik tali antara Melayu-bukan Melayu. Terdapat tanggapan bahawa Umno selama ini banyak berkompromi bahkan mengalah kepada kepentingan bukan Melayu, disebut dasar pendidikan swasta, penubuhan sekolah Cina. Apakah gambaran ini benar ?

Dr M: Tidak benar sama sekali. Kita cuma pegang kepada janji dan understanding (persefahaman) yang kita buat semasa kita mencapai kemerdekaan. Kita harus terima bahawa negara kita ini diduduki orang Melayu dan orang bukan Melayu. Kalau kita nak dikeluarkan orang bukan Melayu, kita tahu ini tak mampu kita buat. Dengan itu, kita terima mereka adalah rakyat negara kita ini. Sebagai rakyat mereka mesti dilayan sebagai rakyat. Tetapi mereka mengiktiraf kedudukan orang Melayu dengan itu mereka tidak menyoal